

Program Kolej Bersama Masyarakat Siri 3

Oleh : Maisarah Mazlan

SELASA, 16 APRIL - Kolej Kediaman Anugerah Bestari, AB di bawah kelolaan JAKMAS AB, Exco Akademik dan Kepimpinan telah mengadakan program Kolej Bersama Masyarakat untuk merapatkan mahasiswa dan masyarakat di Kampung Lambidan selama 4 hari bermula 10 hingga 14 April.

Program ini diketuai oleh saudara Mohd Noorain yang diiringi oleh penasihat YDP Addie Rolan dan disertai seramai 60 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Kolej AB serta Ahli JAKMAS.

AJK Makanan Dan Minuman, Noorlina Keni, Pelajar Hubungan Antarabangsa

Tahun 2 berkata, program ini dilaksanakan bagi merapatkan silaturrahim antara masyarakat di samping mahasiswa mempelajari budaya penduduk masyarakat disana kerana majoriti masyarakat disana berketurunan Kedayan dan dari suku keturunan Brunei.

Menurutnya lagi, program

ini turut melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh merapatkan mahasiswa dengan masyarakat penduduk disana seperti aktiviti mengutip tiram bersama keluarga angkat masing-masing. Program yang memasuki siri ke-3 ini seharusnya diteruskan untuk legasi pada masa akan datang.